

01 MAY 2003

Tajol-Umno

MB PERAK SAMBUT BAIK SARANAN DR M DIBERI PERANAN SELEPAS BERSARA

JELI, 1 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Perak Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali menyambut baik saranan supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi peranan penting dalam negara atau Umno apabila mengundur diri daripada menerajui kerajaan pada Oktober ini.

Negara akan rugi sekiranya pengalaman dan kepakaran Dr Mahathir selama 22 tahun menerajui negara gagal dipergunakan dengan sepenuhnya apabila beliau mengundur diri.

"Rugi kalau kita gagal menggunakan khidmat, kepakaran dan pengalaman Dr Mahathir kerana nama Perdana Menteri amat terkenal di luar negara dan kelebihan ini boleh digunakan untuk membina hubungan kita dengan negara luar," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mohd Tajol berkata demikian bagi mengulas kenyataan Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Sdn Bhd Tan Sri Abdullah Ahmad dalam laporan Berita Harian hari ini yang berkata Dr Mahathir wajar dipujuk agar kekal sebagai Penasihat Kanan negara apabila bersara nanti.

Terdahulu, Mohd Tajol yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Jeli di Kompleks Bukit Bunga di sini.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed yang juga Ketua Umno Bahagian Jeli.

Mohd Tajol berkata kebanyakan anggota Umno juga sebenarnya inginkan supaya Dr Mahathir selepas bersara kekal menjadi ahli parti yang aktif dalam Umno dan Barisan Nasional (BN) bagi membolehkan BN terus mengekalkan tampuk pemerintahan.

Beliau berkata Dr Mahathir juga mempunyai kemampuan untuk membantu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri dalam usaha mengekalkan hubungan baik Malaysia dengan negara-negara luar.

Berhubung politik di Kelantan, Mohd Tajol berharap anggota Umno Kelantan dapat bersatu padu dan mengelakkan sebarang perpecahan dalaman jika ingin menewaskan PAS pada pilihan raya umum akan datang.

Anggota Umno Kelantan juga perlu memberikan sokongan penuh kepada sesiapa sahaja calon yang dipilih pada pilihan raya umum sebagai syarat untuk merampas kembali Kelantan daripada PAS.

"Kalau anggota Umno Kelantan memberikan sokongan kepada setiap calon, Insha-Allah kita akan dapat balik Kelantan," katanya.

Pada majlis itu, Mohd Tajol juga mengumumkan sumbangan Umno Perak sebanyak RM50,000 kepada Umno Bahagian Jeli bagi memperbaiki Kompleks Umno Jeli dan menjayakan program parti.

Sementara itu, Mustapa berkata matlamat Umno Kelantan sekarang ialah memastikan Umno di negeri itu mencapai kemenangan pada pilihan raya umum akan datang dan seterusnya mempunyai wakil di kerajaan pusat.

Pada masa ini, Kelantan tidak mempunyai wakil dalam kerajaan pusat apabila semua calonnya kecuali Tengku Razaleigh Hamzah di Parlimen Gua Musang, tewas pada pilihan raya umum 1999.

Mustapa juga meminta anggota Umno Kelantan untuk bersatu padu dan aktif menjayakan program parti yang sedang dibuat di seluruh negeri itu.

-- BERNAMA

RAR PR